



PEJABAT BENDAHARI
BURSAR'S OFFICE

Rujukan kami : UPM/BEN/S4-2/Bhg.6 (39)

Tarikh : 18 Mei 2009

BENDAHARI
03-89466222

BAHAGIAN KEWANGAN
03-89466202

SEKSYEN KEWANGAN PELAJAR
03-89466215 / 6240

SEKSYEN KEWANGAN STAF
03-89466238 / 8009

SEKSYEN PEROLEHAN
03-89466218 / 6224

SEKSYEN BELANJAWAN
03-89466207

SEKSYEN PERAKAUNAN KEWANGAN
03-89466232 / 6228

SEKSYEN PENGURUSAN ASET DAN HASIL
03-89476243 / 6209

SEKSYEN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN KUALITI
03-89466208 / 6213

SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT
03-89466205

SEKSYEN KEWANGAN FAKULTI KEJURUTERAAN
03-89466254 / 6257

SEKSYEN KEWANGAN PEMBANGUNAN
03-89467499

SEKSYEN KEWANGAN PENYELIDIKAN
03-89466211

SEKSYEN KEWANGAN CANSELERI
03-89467421

SEKSYEN KEWANGAN FAKULTI EKONOMI & PENGURUSAN
03-89467434

ZON KEWANGAN A
03-89466612 / 6769

ZON KEWANGAN B
03-89472503 / 2446

ZON KEWANGAN C
03-89468831 / 8847

ZON KEWANGAN D
03-89464019 / 4022

ZON KEWANGAN E
03-89464178 / 4179

ZON KEWANGAN F
03-89467892 / 7893

ZON KEWANGAN G
03-89466236 / 6242

PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2009

Peraturan dan Tatacara Pengurusan Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja

Tujuan

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) mengenai peraturan dan tatacara pengurusan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja selaras dengan penerimaan pakai **Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2009 - Perubahan Had Nilai dan Tatacara Pengurusan Perolehan Secara Sebut Harga.**

Latar Belakang

2. Peraturan semasa di Universiti Putra Malaysia (UPM) menetapkan peraturan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja berdasarkan kepada Pekeliling Bendahari Bil. 8 Tahun 2000 – Peraturan Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja dan Pekeliling Bendahari Bil. 3 Tahun 2001 – Perubahan Had Nilai Perolehan Bagi Tender dan Sebut Harga.

3. Penerimaan pakai SPP Bil. 5 Tahun 2009 mengenai Perubahan Had Nilai dan Tatacara Pengurusan Perolehan Secara Sebut Harga telah diluluskan dalam Mesyuarat Pihak Pengurusan Universiti Putra Malaysia Ke-329 pada 1 April 2009 melalui minit 329.05(h).

Peraturan-peraturan Perolehan

4. Perubahan had nilai peraturan semasa bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja dibandingkan dengan pelaksanaan berdasarkan SPP Bil. 5 Tahun 2009 adalah seperti **Jadual I** berikut:-

KAEDAH PEROLEHAN	JENIS PEROLEHAN	HAD NILAI PEROLEHAN SEMASA	HAD NILAI PELAKSANAAN (SPP BIL. 5 TAHUN 2009)
Pembelian Terus	Bekalan/ Perkhidmatan	Sehingga RM20,000	Sehingga RM50,000
	Kerja	Sehingga RM10,000	Sehingga RM20,000
Sebut Harga PTJ	Bekalan/ Perkhidmatan	Melebihi RM20,000 sehingga RM50,000	-Tidak berkenaan-
	Kerja	Melebihi RM10,000 sehingga RM20,000	-Tidak berkenaan-
Sebut Harga Universiti	Bekalan/ Perkhidmatan	Melebihi RM50,000 sehingga RM200,000	Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000
	Kerja	Melebihi RM20,000 sehingga RM200,000	Melebihi RM20,000 sehingga RM500,000
Tender	Bekalan/ Perkhidmatan/Kerja	Melebihi RM200,000	Melebihi RM500,000

Jadual I

Pembelian Terus

5. Syarat-syarat pembelian terus bagi bekalan dan perkhidmatan ditetapkan seperti berikut:-

Pembelian setiap jenis item bekalan/perkhidmatan yang melibatkan perbelanjaan tahunan sehingga RM50,000 boleh dibuat secara pembelian terus dengan mana-mana pembekal yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera.

Sebut Harga Universiti

6. Syarat-syarat Sebut Harga hendaklah dipelawa bagi bekalan, perkhidmatan dan kerja tertakluk kepada nilai seperti berikut:-

6.1 Perolehan Bekalan/Perkhidmatan

6.1.1 Perolehan bekalan/perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50,000 hingga RM100,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga di kalangan sekurang-kurangnya lima (5) pembuat/pembekal tempatan bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan.

6.1.2 Perolehan bekalan/perkhidmatan yang bernilai melebihi RM100,000 hingga RM500,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga di kalangan sekurang-kurangnya lima (5) pembuat/pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang berkaitan. Sebut Harga hendaklah terbuka kepada pembuat/pembekal bertaraf Bumiputera dan Bukan Bumiputera.

6.1.3 Penilaian sebut harga bekalan/perkhidmatan hendaklah dibuat oleh dua (2) jawatankuasa yang berasingan, iaitu:-
(i) Jawatankuasa Penilaian Teknikal; dan
(ii) Jawatankuasa Penilaian Harga.

6.2 Perolehan Kerja

- 6.2.1 Perolehan kerja-kerja kecil atau pembaikan yang tidak mengubah struktur asal dan yang tidak mempunyai Jadual kadar Kejuruteraan Awam yang bernilai RM20,000 hingga 200,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga di kalangan sekurang-kurangnya lima (5) kontraktor tempatan Kelas F yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) di bawah kepala dan sub kepala yang berkaitan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIP/CIDB) dalam gred dan kategori yang berkenaan.
- 6.2.2 Perolehan kerja yang bernilai melebihi RM200,000 hingga RM500,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga di kalangan sekurang-kurangnya lima (5) kontraktor tempatan Kelas E yang berdaftar dengan PKK di bawah kepala dan sub kepala yang berkaitan dan LPIP/CIDB dalam gred dan kategori yang berkenaan.
- 6.2.3 Semua perolehan kerja elektrik yang bernilai melebihi RM50,000 hingga RM500,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga di kalangan sekurang-kurangnya lima (5) kontraktor elektrik tempatan yang berdaftar dengan PKK di bawah kepala elektrik yang berkaitan dan LPIP/CIDB dalam gred dan kategori yang berkenaan.
- 6.2.4 Penilaian sebut harga kerja hendaklah dibuat oleh satu (1) Jawatankuasa Penilaian sahaja.

Tender

- 7. Perolehan bagi bekalan, perkhidmatan dan kerja yang melebihi RM500,000 bagi setiap pembelian hendaklah dilaksanakan secara tender.

8. Pihak PTJ bolehlah melayari laman web <http://www.treasury.gov.my> untuk mendapatkan peraturan pelaksanaan SPP Bil. 5 Tahun 2009 secara terperinci.

Kaedah-Kaedah Perolehan Lain:-

(i) Rundingan Terus

9. Perbendaharaan telah mengeluarkan Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) pada 26 Mac 2008 mengenai Rundingan Harga Perolehan yang diluluskan secara Rundingan Terus. Syarat-syarai perolehan secara rundingan terus bagi bekalan, perkhidmatan dan kerja adalah seperti berikut:-

- 9.1 Jumlah bekalan melebihi RM50,000;
- 9.2 Surat permohonan PTJ melalui Bendahari, UPM. Surat sokongan permohonan pembelian secara rundingan terus mengikut format surat (BEN/BUY/DS22) disediakan oleh Seksyen Perolehan dan ditandatangani oleh Y. Bhg. Datuk Naib Canselor;
- 9.3 Justifikasi pembelian;
- 9.3 Sebut harga/rundingan harga;
- 9.5 Sijil-sijil kelayakan dari Kementerian Kewangan Malaysia;
- 9.6 Surat pengesahan daripada *principal* sebagai *Sole Agent*; dan
- 9.7 Jika pembelian alatan/barang *import*, lampirkan salinan surat kelulusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

(ii) Kerja-kerja Undian

10. Pejabat Bendahari telah menyediakan Garis Panduan Perolehan Kerja Bagi Jumlah Sehingga RM100,000 - (UPM/BEN/BUY/G016), pelaksanaan kerja-kerja secara undian di UPM kepada kontraktor di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan yang berkelayakan dengan had nilai melebihi RM5,000 sehingga RM100,000 manakala had nilai kurang dari RM5,000 dilaksanakan secara pusingan atau giliran dan boleh dirujuk di laman web Pejabat Bendahari, <http://www.bursar.upm.edu.my>.

Tarikh Kuat kuasa

11. Peraturan ini berkuat kuasa mulai 15 April 2009 dan dengan berkuat kuasanya Pekeliling Bendahari ini, Pekeliling Bendahari Bil. 8 Tahun 2000 - Peraturan Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja dan Bil. 3 Tahun 2001 - Perubahan Had Nilai Perolehan Bagi Tender dan Sebut Harga adalah dibatalkan.

12. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung dengan surat pekeliling ini, harap hubungi Puan Mastura bte Abd. Rahim, di sambungan 6214/6218.

Kerjasama semua pihak sangatlah diharapkan dan dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERILMU BERBAKTI"

Yang menjalankan tugas


(Zulkiflee bin Othman)
Bendahari

Edaran:

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Putra Malaysia
SERDANG/ PORT DICKSON/BINTULU

Salinan kepada:

- Y. Bhg. Datuk Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor